



TEKS UCAPAN

**YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
PENGERUSI RISDA**

SEMPENA

PERASMIAN ECOTOURISM ESPEK

TEMPAT : LADANG RISDA ULU SLIM, SLIM RIVER
TARIKH : 22 APRIL 2017 (SABTU)
MASA : 4.00 PETANG

Salutasi

YANG BERUSAHA PENGERUSI MAJLIS

YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

YBHG. DATUK BORHAN BIN DOLAH
KETUA SETIAUSAHA KKLW

YB SENATOR DATO' HAJI MOHD SALIM BIN SHARIF
PENERUSI ESPEK

YBHG. DATO' AZIZAN BIN MOHAMAD SIDIN
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA DASAR KKLW

YBHG. DATO' DR. AHMAD JAILANI BIN MUHAMED YUNUS
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA PEMBANGUNAN KKLW

YBHG. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN
BIN WAN MOHAMAD
KETUA PENGARAH RISDA

YBHG. KETUA - KETUA AGENSI DI BAWAH KKLW

YBHG. EN. NASARUDIN BIN MALEK
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN) RISDA

YBHG. TN. HJ. MOHD IHWAN BIN SUDIM
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN & KORPORAT) RISDA

YBHG. TN. HAJI MEOR MOHD ZAMNIS BIN MEOR HASSAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
RISDA HOLDINGS SDN.BHD.

Y.BRS. TUAN HAJI ABD. AZIZ BIN HAJI JAAFAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ESPEK SDN.BHD.

AHLI LEMBAGA PENGARAH / SETIAUSAHA DAN PENGARAH - PENGARAH BAHAGIAN / KETUA-
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SYARIKAT DI BAWAH KKLW.

RAKAN- RAKAN MEDIA

DIF-DIF JEMPUTAN, PEGAWAI DAN KAKITANGAN ESPEK SETERUSNYA PARA JEMPUTAN YANG
DIKASIHI SEKALIAN.

**ASSALAMUALAIKUM W.B.T., SALAM SEJAHTERA, SALAM KASIH SAYANG DAN SALAM SEHATI
SEJIWA.**

1. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran kehadiran illahi atas kurniaan-nya kita dapat bersama-sama hadir pada Majlis Perasmian Projek Hiliran di bawah pengurusan syarikat milik RISDA, ESPEK Sdn. Bhd. iaitu Ecotourism ESPEK yang diadakan di Ladang RISDA Ulu Slim ini. Bagi pihak pengurusan RISDA dan ESPEK saya merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri KKLW di atas kesudian menyempurnakan majlis pada hari ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada semua jemputan yang hadir terutama pengurusan tertinggi KKLW, Ketua – Ketua Agensi Persekutuan dan Negeri Perak serta seluruh jemputan yang turut sama memeriahkan majlis pada hari ini. Buat makluman semua, Ecotourism ESPEK ini adalah projek hiliran yang ke - 5 yang diusahakan ESPEK selain daripada Boe, Pellet, Bboe Tricho dan Akademi ESPEK.

YB. Dato' Sri dan sidang hadirin yang saya kasihi,

2. ESPEK Sdn. Bhd. tidak asing dikalangan pengusaha industri kelapa sawit. Syarikat ini telah berjaya

memperolehi hasil yang memberangsangkan iaitu 16.09 mt/hektar pada tahun 2016 di dalam keadaan fenomena el-nino dan angka ini melebihi purata Semenanjung Malaysia MPOB iaitu 15.77 mt/ hek. Dalam bidang inovasi dan rekacipta ESPEK juga tidak ketinggalan dengan memperoleh gelaran Johan Pertandingan Inovasi KKLW Peringkat Kebangsaan dan Johan Inovasi Penorehan Peringkat RISDA. Kejayaan ini diteruskan pada tahun 2017 dengan memperoleh Anugerah Syarikat Milikan RISDA Terbaik bagi bulan Januari dan Februari 2017. Tahniah dan syabas kepada pengurusan ESPEK atas kecemerlangan yang diterima.

3. Seiring dengan saranan YB Dato Sri, kerancangan pelaksanaan Transformasi Luar Bandar telah disemai dari peringkat RISDA dan berkembang melalui program-program yang dijalankan oleh anak syarikat. Pemilihan lokasi penempatan projek Ecotourism di Ladang Ulu Slim ini adalah tepat dan saya yakin penubuhan ini dapat mempergiatkan lagi aktiviti keusahawanan di luar bandar justeru mempertingkatkan sosio ekonomi masyarakat luar bandar. Melalui projek Ecotourism ini pastinya

penduduk sekitar Slim River ini bakal menerima impak peningkatan ekonomi dengan pelbagai kegiatan yang diperkenalkan oleh Espek Ecotourism. Saya percaya menerusi projek ini pastinya akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan hasrat YB Menteri untuk mengurangkan migrasi penduduk luar Bandar ke Bandar akan dapat dicapai. Pembangunan ini adalah seiring dengan transformasi luar Bandar dengan penerokaan sektor baru pertanian yang mempunyai nilai pasaran dan permintaan tinggi sekaligus memberi pulangan yang besar kepada RISDA dan masyarakat setempat.

YB. Dato' Sri dan sidang hadirin yang saya kasihi,

4. Jarak perjalanan sejauh 114km dari Kuala Lumpur bukan penghalang warga kota untuk berkunjung ke Ecotourism Ulu Slim ini. Tambahan pula, ia berhampiran dengan lebuh raya utama dan memudahkan pengunjung untuk terus menikmati keindahan alam di sini. Disokong dengan penyediaan pakej kemudahan asas yang lengkap seperti kabin penginapan yang selesa, dewan yang besar, surau untuk beribadah, gazebo dan wakaf sudah pasti memberi satu pengalaman yang amat berharga kepada

setiap pengunjung. Konsep penginapan kabin merupakan pendekatan yang harus dipuji kerana ESPEK Ecotourism menampilkan kelainan dan keunikan serta pengunjung akan merasa lebih dekat dengan suasana alam semulajadi. Selain itu, para pengunjung disediakan kemudahan aktiviti lasak seperti berkayak, water rafting, menunggang atv, motor cross dan pacuan empat roda.

5. Suasana yang tenang dan mengasyikkan sejajar dengan tema "*where knowledge meets nature*". Itu yang saya dapat gambarkan ketika berada di Ecotourism ESPEK. Saya berbangga atas pencapaian ini dan berharap bakal menjadi salah satu institut *training resort* terbaik di daerah Ulu Slim ini dan dimasukkan dalam takwim pelancongan kebangsaan sebagai satu destinasi "*must visit*". Semoga ESPEK terus melakar kecemerlangan dengan pelbagai pendekatan kreatif bagi menarik pelancong dalam dan luar Negara menikmati keindahan alam di sini. Selaku Pengerusi RISDA saya sentiasa menyokong *business* ESPEK dan pendekatannya memberi pulangan yang terbaik kepada masyarakat luar Bandar kerana RISDA dan KKLW adalah pemangkin pembangunan luar Bandar.

6. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri KKLW atas kesudian menyempurnakan majlis pada hari ini. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada semua warga kerja RISDA dan ESPEK yang bersama-sama menjayakan penganjuran majlis yang gilang-gemilang ini. Tidak lupa juga kepada semua rakan – rakan media yang hadir pada hari ini dan yang turut sama menyertai “ Media Tour Espek Ecotourism” bagi mempromosikan produk pelancongan ini kepada masyarakat umum. Saya doakan ESPEK terus maju dengan penubuhan Ecotourism ini yang pastinya membantu lebih ramai masyarakat luar bandar khususnya pekebun kecil.

SEKIAN, WABILLAHIT TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH. TERIMA KASIH.